

TARIKH : 4 JULAI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Kerajaan pandang serius kes ketirisan minyak masak subsidi

Kerajaan pandang serius kes ketirisan minyak masak subsidi

Kementerian, pihak berkaitan siasat jika wujud penyeludupan ke negara jiran

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kerajaan memandang serius mengenai ketirisan minyak masak bersubsidi yang mengalir ke negara luar khususnya ke Selatan Thailand sehingga menyebabkan negara mengalami kekurangan bekalan bahan itu.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata bagi menangani isu itu, pihaknya sudah mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan beberapa pihak berkaitan, termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Beliau berkata, pihaknya ingin mengetahui setakat mana seriusnya perkara itu disebabkan kerajaan membayar subsidi, namun sebaliknya ia dinikmati oleh orang asing dan perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku.

"Namun, jika ada penyelew-



Mustapa meninjau stok bekalan barangan makanari dan keperluan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjung, Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

ngan atau penyeludupan membawa keluar minyak masak bersubsidi ini, ia sudah pasti satu perkara yang tidak boleh diterima dan memerlukan siasatan yang lebih teliti.

"Pada masa sama, kita juga akan mengumpul maklumat mengenai perkara ini untuk mengetahui keadaan yang sebenar, selain bilangan pengilang yang terabit dalam industri *repackaging* minyak masak paket dan di mana ia dijual," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan harga barangan keperluan dan runcit di Pusat Transformasi

Luar Bandar (RTC) Tunjung, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Mustapa berkata, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi akan mengadakan mesyuarat kali ketiga, hari ini untuk membincangkan mengenai isu kenaikan harga dan inflasi.

"Dalam mesyuarat yang diadakan esok (hari ini), dua isu utama yang akan dibincangkan iaitu kaedah bagaimana untuk menangani isu kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi dan kenaikan harga barangan keperluan.

"Sejak pasukan berkenaan ditubuhkan, mesyuarat pertama diadakan pada 29 Jun dan mesyuarat kali kedua pada 30 Jun bagi membantu pengguna mengimbangi kenaikan harga barang yang tidak dapat dielakkan.

"Tugas kami ialah untuk mengetahui keadaan sebenar dan cuba untuk menangani isu ini sebaik mungkin. Ia sudah pasti satu tugas yang amat mencabar dan pasukan kami akan bertugas secepat yang mungkin," katanya.

Beliau berkata, tujuan jawatankuasa itu ditubuhkan adalah ba-

gi memantau dengan lebih teliti harga barangan tertentu khususnya barang makanan untuk melihat bagaimana keadaan sebenar mengenai bekalan harga, adakah bekalan itu mencukupi atau harga yang dijual mematuhi harga siling yang sudah ditetapkan oleh kerajaan.

"Dalam mesyuarat ini, pihak kami mencadangkan langkah penambahbaikan jika ada masalah selain Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan juga ditugaskan untuk melakukan pemantauan dengan lebih kerap dan secara berkala," katanya.